

International Journal of Education,
Psychology and Counselling (IJEPC)

Journal Website: <http://ijmoe.com/>
eISSN: 2637-0905



**PENGARUH SIKAP GURU, PENGETAHUAN GURU DAN
KEMAHIRAN GURU TERHADAP KOMPETENSI PENGURUSAN
DISIPLIN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DI SABAH**

*THE INFLUENCE OF TEACHER ATTITUDE, TEACHER KNOWLEDGE AND
TEACHER SOFT SKILLS WITH COMPETENCE OF DISCIPLINE MANAGEMENT
AT PRIMARY SCHOOL IN SABAH*

Osman Said^{1*}, Mohd Nasir Rayung², Syahrul Nizam Salam³, Abdul Said Ambotang⁴

¹ Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: puteracitra@gmail.com

² Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mohdnasirrayung@gmail.com

³ Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: insantakwa@yahoo.com

⁴ Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: solat5@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Received date: 17.03.2020

Revised date: 26.04.2020

Accepted date: 10.06.2020

Published date: 15.06.2020

To cite this document:

Said, O., Rayung, M. N., Salam, S. N., & Ambotang, A. S. (2020). Pengaruh Sikap Guru, Pengetahuan Guru dan Kemahiran Guru Terhadap Kompetensi Pengurusan Disiplin Sekolah Kebangsaan di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 188-205.

DOI: 10.35631/IJEPC.5350017.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh sikap ke atas disiplin, pengetahuan dan kemahiran ketua guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan di Sabah. Seramai 320 orang ketua guru disiplin dipilih sebagai responden kajian melalui kaedah pensampelan rawak berperingkat. Data kajian dianalisis menggunakan analisis statistik IBM SPSS dan analisis SEM-AMOS. Dapatan kajian menunjukkan sikap ke atas disiplin guru disiplin berada pada tahap tinggi. Manakala tahap pengetahuan guru disiplin, tahap kemahiran guru disiplin dan kompetensi pengurusan disiplin sekolah berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap ke atas disiplin, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin dengan kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan. Analisis regresi berganda pula membuktikan terdapat pengaruh yang signifikan faktor peramal iaitu sikap ke atas disiplin, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan. Analisis SEM pula menunjukkan terdapat model sumbangan yang signifikan. Implikasi daripada kajian ini, mencadangkan bahawa kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan perlu sentiasa dipertingkatkan dan ditambah baik dari semasa ke

semasa bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari segi akademik, sahsiah, kokurikulum dan kerohanian.

Kata Kunci:

Sikap, Pengetahuan, Kemahiran, Kompetensi, Pengurusan Disiplin

Abstract:

This study aimed to identify the influence of the attitude on discipline, knowledge, and skills of the discipline headteacher on discipline management competency in a national school in Sabah. A total of 320 disciplined headteachers as respondents were selected through a combination of graded random sampling techniques. The data were analyzed using IBM SPSS statistics and SEM-AMOS analysis. The findings show that attitudes on discipline are at an extremely high level, while knowledge, the skill of the discipline headteacher and discipline management competency are at a high level. Pearson correlation analysis showed that there was a significant correlation between attitudes on discipline, knowledge, and skills of head discipline teachers with discipline management competence of national school. Data also showed regression analysis it was found that there was a significant influence on predictor factors (attitude on discipline, knowledge, and skills of head discipline teachers) on discipline management competency in primary national school. SEM analysis showed that there is a significant contribution model. The implications of this study suggest that national school discipline management competencies need to be constantly enhanced and improved over time to produce balanced academic, personal, co-curriculum, and spiritual human capital.

Keywords:

Attitude, Knowledge, Skills, Discipline Management, Competency

Pengenalan

Pembangunan Profesional adalah aspek yang sering diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) turut diterapkan dalam pembangunan profesional di sekolah. Pekeliling Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 6/2005 menjelaskan bahawa ketua jabatan harus memastikan anggota masing-masing di setiap peringkat mengikuti sekurang-kurangnya kursus tujuh hari setahun (Noor Lela, Hariyaty, Hazianti, Zuraidah & Normala, 2016). Sehubungan itu, kertas cadangan konsep Pengoperasian Latihan Peningkatan Profesionalisme Bidang Pengajaran dan Pembelajaran bagi pegawai perkhidmatan pendidikan (PPP) telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Profesional Khas, KPM bertarikh 21 Ogos 2007. Penekanan terhadap prestasi guru dilihat dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kualiti dan keberkesanan pembangunan profesional bagi memudahkan perubahan yang sistematik dalam pendidikan.

Konsep 'kompetensi' telah mula diberi perhatian serius dalam pengurusan sumber manusia sama ada pada peringkat individu, kumpulan mahu pun organisasi kerana kesannya ke atas kualiti kerja, prestasi kerja dan produktiviti dalam organisasi. Kemunculan arus persaingan globalisasi serta cabaran baru dunia tanpa sempadan telah menjadikan kecekapan sumber manusia sebagai aset yang amat bernilai. Di Malaysia, konsep kecekapan sumber manusia mula menjadi fokus utama dalam meningkatkan kompetensi perkhidmatan sektor awam. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang menjadi organisasi terunggul di negara ini telah

memperkenalkan kaedah Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi mengukur kecekapan prestasi kerja (KPM, 2008). Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi turut menegaskan betapa perlunya sektor awam memberikan perkhidmatan secara cekap, cepat dan mencapai kompetensi dalam sistem penyampaiannya. Dalam sistem pendidikan negara, ianya mula dirangka secara sistematik bermula dengan Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960, Penyata Mahathir 1979 sehinggalah kepada pengenalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan diselaraskan dengan keperluan semasa dan cabaran global. Antara matlamat utama PPPM adalah melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing seiring dengan perkembangan dunia masa kini.

Melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing dengan penerapan nilai murni dan etika ini memerlukan sistem pengurusan murid yang cekap dan berkesan seawal di peringkat sekolah rendah. Ini kerana, menurut Syahrul Nizam Salam, Ghazali Hassan & Abdul Said Ambotang (2018) modal insan yang berkualiti hasil daripada pembentukan sendiri meningkatkan pencapaian murid di sekolah. Di sekolah rendah, Guru Besar adalah ketua pentadbir sekolah, yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hal-ehwal pengurusan sekolah tersebut. Pihak pentadbir sekolah yang biasanya menjalankan tugas dan tanggungjawab tentang hal-ehwal murid adalah Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM). Salah satu cabang dalam pengurusan hal ehwal murid adalah pengurusan disiplin murid. Oleh kerana guru PK HEM memikul portfolio yang agak besar dan pengurusan hal ehwal murid, biasanya guru yang bertanggungjawab secara terus dalam pengurusan disiplin murid di sekolah adalah Ketua Guru Disiplin. Ketua Guru Disiplin adalah individu yang bertanggungjawab dalam melaksanakan pengurusan disiplin di sekolah secara cekap dan teratur (Hamzah et al., 2018)

Masalah Kajian

Kemampuan seseorang guru disiplin menangani masalah disiplin murid adalah berbeza. Kecekapan, kebolehan dan kemampuan adalah merujuk kepada tingkah laku seseorang. Kecekapan guru terhadap kerja-kerja disiplin murid harus dilihat secara menyeluruh. Ia bukan sekadar mengenai kebolehan guru dalam menyoal murid, menentukan dan mengesahkan kesalahan atau pun melaksanakan hukuman sahaja. (Abudllah Sani Yahaya, 2005). Sebaliknya, menerusi Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM), ia turut memerlukan pelbagai pengetahuan dan kemahiran-kemahiran lain seperti proses merekod, menilai, memantau, menemu duga ibu bapa, menyiasat, memahami konsep keadilan, menentukan keputusan dengan tepat, merancang program pencegahan, pemupukan nilai-nilai murni dan keyakinan diri, membentuk akhlak, mendidik murid agar sentiasa menghormati undang-undang dan peraturan, membina komunikasi berkesan dan sebagainya yang berkaitan dengan pembinaan dalaman serta luaran diri murid (KPM, 2012).

Hasil kajian Zakri Abdullah dan Saemah Rahman (2014) bahawa pelaksanaan tatacara disiplin sekolah yang diamalkan di sekolah tidak seperti yang termaktub dalam garis panduan tatacara disiplin oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Mengikut perangkaan KPM sehingga Januari 2019, bilangan guru di sekolah rendah seluruh Malaysia ialah berjumlah 182,587 orang (KPM, 2019). Manakala, bilangan murid sekolah rendah di seluruh negara berjumlah 2,727,068 orang. Jumlah ini belum termasuk murid Prasekolah yang berjumlah 205,199 orang. Melalui statistik terkini KPM tersebut, nisbah seorang guru dengan murid adalah seorang nisbah 15 orang. Walau bagaimanapun, nisbah ini sudah mengambil kira dan merangkumi golongan guru yang bekerja di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Persoalannya, bagaimanakah situasi semasa seperti yang digambarkan di atas, dengan nisbah seorang guru terpaksa mengawal 15 orang murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosio-ekonomi dapat menangani kawalan terhadap disiplin murid. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid 2017 menyatakan terdapat peningkatan dalam salah laku disiplin murid sekolah kebangsaan pada kadar 2.03 peratus setahun yang direkodkan dalam tempoh lima tahun (2012 hingga 2016). Pada tahun 2016, seramai 16, 849 orang murid sekolah kebangsaan iaitu sebanyak 15.06 peratus terlibat dalam kes salah laku disiplin (KPM, 2017). Antara punca salah laku yang telah dikenal pasti adalah kecuaiannya pihak sekolah untuk menguruskan disiplin murid. Adakah trend tersebut berterusan sehingga kini dalam kalangan pemimpin sekolah di kawasan bandar mahupun luar bandar? Bertitik tolak daripada persoalan di atas, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kompetensi pengurusan disiplin murid di sekolah rendah sama ada di kawasan bandar dan luar bandar dari perspektif pemimpin sekolah.

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis nol seperti berikut.

- Ho1 Tidak terdapat pengaruh sikap guru ke atas disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan
- Ho2 Tidak terdapat pengaruh pengetahuan ketua guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan
- Ho3 Tidak terdapat pengaruh kemahiran ketua guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan

Kajian Literatur

Kompetensi adalah istilah yang berasal daripada Bahasa Inggeris iaitu “competence” yang bermaksud kelayakan, kemampuan, kesanggupan dan kecekapan untuk melakukan sesuatu tugas (Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Kompetensi merupakan keupayaan melakukan sesuatu yang dihasilkan melalui proses pembelajaran. Kompetensi juga ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi iaitu sikap yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Prinsip asas kompetensi adalah bahawa prestasi seseorang penjawat awam iaitu guru akan meningkat sekiranya beliau mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang disandangnya. Sheridan *et al.* (2018) merujuk kompetensi sebagai kemahiran khusus dalam melakukan tugas. Ini termasuk bidang tugas ketua guru disiplin dalam pengurusan disiplin di sekolah. Berdasarkan pengertian istilah-istilah di atas, Tang Sai-Hung *et al.* (2018) merumuskan bahawa kompetensi membawa maksud kebolehan dan kemahiran yang dipunyai oleh seseorang individu dalam menyempurnakan kerja-kerja yang telah dipertanggungjawabkan.

Dalam konteks kajian ini, kompetensi merujuk kepada kecekapan seseorang ketua guru disiplin dalam menyempurnakan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan disiplin. Boyatzis (1982) merujuk konsep kompetensi sebagai pencapaian kerja yang dicapai melalui tindakan-tindakan yang khusus sesuai dengan keperluan polisi, prosedur dan keadaan dalam sebuah persekitaran organisasi. Kompetensi individu dipengaruhi oleh imej diri, sifat, niat, peranan sosial dan sikap yang dimilikinya. Menurut Purba dan Rafiani (2016), kompetensi individu adalah sesuatu kebolehan yang boleh dilihat dan dapat dikesan menerusi paparan tingkah laku seseorang individu ketika melakukan tugas dengan sempurna dan mencapai tahap kompetensi. Konsep kompetensi ini hanya memberi makna sekiranya sesuatu tingkah laku

kerja yang berlaku dapat dilihat dengan jelas dan berkesan terhadap kecekapan dalam pengurusan pentadbiran disiplin sekolah.

Kajian yang dibuat oleh Wiley *et al.* (2018) kecekapan dalam pentadbiran sekolah dapat dilihat melalui pengurusan disiplin secara teratur melalui peraturan yang telah ditetapkan. Kajian terdahulu daripada Clark (1938) dalam artikel the National Association of Secondary School menunjukkan penahanan dan penggantungan dalam pengurusan disiplin tidak menunjukkan perubahan terhadap pengurusan disiplin sekolah. Kajian Clark ini menunjukkan kemahiran secara berkumpulan dan komunikasi menyeluruh dalam pentadbiran, persatuan kaunselor dan guru perlu bekerjasama secara berterusan untuk membentuk disiplin murid ke tahap yang lebih baik. Melalui kajian seorang ahli sosiologi, Richard Cloward (1966) menunjukkan kebanyakan kanak-kanak yang dihukum oleh seseorang ketua guru disiplin yang tidak mempunyai pengetahuan dalam pentadbiran sekolah cenderung melakukan kesilapan yang mana mengakibatkan masalah ponteng sekolah kian meningkat, pergaduhan serta sikap berpuak dalam kalangan murid menjadi semakin kronik antara murid junior dan murid senior.

Menurut Hamzah *et al.* (2018) masalah kecekapan dalam pengurusan disiplin seperti hukuman penggantungan dan penahanan seseorang murid yang tidak mengikut Standard Operating Procedure (SOP) akan memberi kesan negatif kepada pendidikan murid di dalam kelas dan tindakan yang diamalkan oleh seseorang ketua guru disiplin itu akan mengganggu proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah. Kajian mereka juga menunjukkan sikap ketua guru disiplin memainkan peranan dalam menentukan kecekapan pengurusan disiplin di sekolah. Dalam kajian Syahrul Nizam Salam, Ghazali Hassan dan Abdul Said Ambotang (2019), sikap yang baik dapat membentuk konsep sendiri positif sekali gus membentuk murid yang berhemah. Menurut Anyon *et al.* (2014) tindakan penahanan seseorang murid di sekolah kebanyakannya memberi kesan kepada murid yang mempunyai keluarga berpendapatan rendah kerana risiko yang perlu ditanggung oleh keluarga apabila seseorang murid itu terpaksa dibuang sekali gus mencari tempat belajar yang baru. Justeru, kompetensi pengurusan disiplin di sekolah perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Selain itu, menurut Anyon *et al.* (2016) lagi, pentadbir sekolah khususnya ketua guru disiplin perlu mengurangkan hukuman berbentuk penahanan dan hukuman berbentuk kekerasan yang dapat mengurangkan kecekapan pengurusan disiplin sekolah untuk menggalakkan pelaksanaan pencegahan dan penguatkuasaan peraturan sekolah yang dapat memberi kesan positif kepada kompetensi pengurusan disiplin sekolah. Amalan pengurusan disiplin sekolah melalui kemahiran dan pengetahuan ini telah diperakui oleh sekolah awam di Amerika Syarikat melalui U.S. Department of Education Office for Civil Rights Data Collection pada tahun 2016. Ianya membuktikan pengurusan disiplin yang berkait dengan pengetahuan dan kemahiran ini memberi ruang dan peluang bagi meningkatkan kompetensi dalam pengurusan disiplin sekolah.

Pengkaji berpendapat, pembaharuan yang dilakukan dalam pengurusan disiplin sekolah dapat ditingkatkan melalui peraturan dan pelaksanaan melalui sikap, pengetahuan serta kemahiran dapat membantu dalam strategi pengurusan disiplin yang lebih baik. Justeru, ini memerlukan sebuah sistem pengurusan yang cekap serta mandat tugas yang perlu dipikul oleh seorang ketua guru disiplin serta polisi yang ditetapkan oleh kerajaan seperti yang dijelaskan dalam kajian Holme, Diem dan Welton (2014) yang mengutarakan pengurusan yang cekap dalam sistem pengurusan disiplin dapat melancarkan proses perjalanan kompetensi pengurusan salah laku dalam sesebuah organisasi. Sebelum itu, kajian yang dibuat oleh Gregory *et al.* (2016) menunjukkan pengurusan disiplin berhubung dengan pembangunan norma serta pembentukan

politik dalam sesebuah negara dapat dilihat hasilnya melalui pelaksanaan sistem yang berkesan dan efisien bagi mendidik pentadbir dalam sesebuah organisasi.

Kompetensi Pengurusan disiplin sekolah berdasarkan demografi iaitu jantina juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap kompetensi. Ini bertepatan dengan kajian oleh Ferla, Valcke dan Cai (2009) yang menyatakan bahawa terdapat pengaruh jantina seseorang dengan kompetensi kerja dan kajian mereka turut disokong oleh Xia *et al.* (2014) yang menunjukkan pencapaian pekerja wanita lebih baik dari pencapaian pekerja lelaki. Selain itu, faktor pengalaman sebagai ketua guru disiplin juga memainkan peranan yang penting dalam pengurusan disiplin sekolah. Penemuan kajian lepas juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pengalaman sebagai ketua guru disiplin yang menunjukkan guru tersebut perlu mempertingkatkan kompetensi pengurusan disiplin di sekolah dari semasa ke semasa. Rahardja, Moein dan Lutfiani (2018) menyatakan bahawa pengalaman kerja mempengaruhi motivasi, komitmen dan prestasi kerja seorang pendidik di sekolah. Rahardja *et al.* (2018) dalam kajiannya juga menyatakan bahawa pengalaman kerja dalam tempoh tertentu mempengaruhi motivasi, komitmen dan prestasi kerja seorang pendidik di sekolah. Begitu juga dengan bilangan murid di sekolah. Bilangan murid yang terlalu ramai dan padat, menyukarkan peranan ketua guru disiplin menjalankan tugas dengan efisien. Ini bertepatan dengan hasil kajian demografi oleh Tubah dan Hamid (2011) yang menyatakan bahawa bilangan murid yang seimbang dan bertepatan mempengaruhi kawalan murid dalam kelas.

Justeru, kajian-kajian di atas memberi penekanan terhadap tatacara pengurusan disiplin yang berkesan secara normatif serta dimensi yang melibatkan politik yang berlaku dalam sesebuah negara yang dapat mempengaruhi amalan pengurusan yang cekap dalam mentadbir disiplin sesebuah organisasi terutama dalam bidang pendidikan (Ghani *et al.*, 2017). Selain itu, kajian mereka juga menerangkan beberapa dimensi yang mempengaruhi pengurusan disiplin yang berkesan melalui pelbagai pendekatan untuk mengatasi masalah disiplin dibentuk secara berhemah dan cekap. Disebabkan itu kajian ini dijalankan untuk meninjau pengaruh faktor sikap, pengetahuan dan kemahiran ketua guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin di sekolah kebangsaan. Tumpuan utama model ini ialah sikap, aspek pengetahuan dan aspek kemahiran yang dimiliki oleh ketua guru disiplin dalam menyempurnakan sesuatu tugas yang berkaitan dengan pengurusan disiplin. Kemahiran, pengetahuan dan sikap seseorang individu dipengaruhi oleh ciri-ciri peribadi individu itu sendiri.


Untuk itu, pengkaji juga telah mengadaptasi Model Kompetensi Iceberg oleh Spencer dan Spencer (2008). Berpandukan Model Kompetensi ini, kecekapan tingkah laku pengurusan disiplin seseorang individu ditentukan melalui interaksi antara tiga domain iaitu ciri moral, aspek pengetahuan dan aspek kemahiran individu (Wolf, 2017). Peribadi yang positif serta tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi terhadap sesuatu kerja disiplin akan menghasilkan tahap kecekapan tingkah laku pengurusan disiplin individu yang tinggi. Sebaliknya, ketidakseimbangan terhadap interaksi faktor tersebut akan menghasilkan tingkah laku pengurusan disiplin individu pada tahap rendah. Pengkaji juga telah membuat pengubahsuaian ke atas Model Kompetensi oleh Malik dan Liew (2002) dengan hanya membataskan ciri peribadi terhadap aspek sikap sahaja. Dengan andaian bahawa sikap adalah sebahagian daripada domain peribadi, yang juga mempengaruhi perilaku (Bailey, 2018). Oleh itu, Model Kompetensi baru yang terbina adalah berdasarkan interaksi antara sikap, pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang individu dalam menyempurnakan sesuatu tugas.

Merujuk teori yang telah dibincangkan dalam kajian ini, antaranya Teori kompetensi Spencer dan Spencer (2008), Teori Kecerdasan Triarchic Sternberg (2005), Model Penghasilan Kerja Berkesan (Boyatzis *et al.*, 2009a; 2012b), Model Perkembangan Guru (Trotter, 1986) dan Model Kompetensi Iceberg (Spencer & Spencer, 2008) maka dihasilkan kerangka teoretikal yang menerangkan perhubungan antara faktor-faktor penting. Bersandarkan teori dan model dalam kajian ini pula, pengkaji telah memilih Teori kompetensi Spencer dan Spencer (2008) sebagai teori kajian yang dipilih manakala model dan Model Kompetensi Iceberg (Spencer & Spencer, 2008) sebagai model kajian yang dipilih kerana teori dan model ini memayungi atau mendasari keseluruhan kajian.

Dapat dirumuskan di sini bahawa gabungan beberapa teori seperti Teori kompetensi Spencer dan Spencer (2008), Teori Kecerdasan Triarchic Sternberg (2005) dalam kajian ini berserta pemboleh ubah yang terdiri dari sikap, pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pengurusan ketua guru disiplin berserta konstruk yang berkaitan berdasarkan konteks kompetensi ketua guru disiplin sekolah rendah di samping aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek maka terbentuk satu kerangka teoretikal yang menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah secara umum demi memastikan pengetahuan dan kefahaman berkaitan penyelidikan ini. Justeru, kajian-kajian terdahulu, setiap pemboleh ubah yang dijelaskan oleh pengkaji bersumberkan beberapa teori dan model yang telah dikemukakan. Pembentukan teori kajian ini juga berkait rapat dengan objektif serta falsafah pengurusan disiplin sekolah kebangsaan yang di tetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah bidang kuasa Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH). Tiga faktor dalam kompetensi pengurusan iaitu Pengetahuan (Kognitif), Kemahiran (Psikomotor) dan Sikap (Afektif). Daripada perkaitan rapat antara kajian-kajian lepas berkenaan kompetensi pengurusan disiplin di sekolah maka terhasil pemboleh ubah secara khusus di tetapkan oleh pengkaji yang diterangkan dalam kerangka konseptual.

Kerangka Kajian

Berdasarkan keperluan kajian untuk menilai hubungan dan pengaruh langsung tiga dimensi Sikap ke atas disiplin, pengetahuan dan kemahiran ketua guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan telah menghasilkan kerangka konsep kajian seperti dalam rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Kajian Pengaruh Kompetensi Pengurusan Disiplin Sekolah

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif yang dilaksanakan melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik. Kajian berbentuk kuantitatif ini sesuai dengan skop kajian yang luas dan lebih banyak maklumat boleh diperolehi serta maklumat yang diperolehi adalah tepat dan boleh digunakan untuk menjawab pelbagai persoalan dalam kajian (Gazali Darusalam dan Sufean, 2016). Penyelidikan kuantitatif ini diyakini dapat memberi penerangan dan penjelasan tentang pengaruh Kompetensi Pengurusan Disiplin Sekolah di negeri Sabah.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik yang dilihat bersesuaian dengan objektif, hipotesis kajian dan saiz sampel kajian. Soal selidik yang digunakan mengandungi lima bahagian. Bahagian A mengandungi empat soalan berkaitan maklumat demografi responden secara umum merangkumi maklumat jantina, pengalaman pengajar, pengalaman sebagai guru disiplin dan jumlah murid di sekolah. Bahagian B, C, dan D mengandungi item soalan mengukur sikap ke atas disiplin, pengetahuan dan kemahiran ketua guru disiplin yang diubahsuai daripada instrumen yang digunakan oleh Zakri (2013). Manakala Bahagian E mengandungi item soalan mengukur kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan yang diubahsuai daripada Standard Kompetensi Pengurusan Disiplin Sekolah Kebangsaan (KPM, 2012). Setiap soalan diikuti dengan lima pilihan jawapan mengikut skala Likert 5 mata iaitu 1 (Sangat tidak setuju), 2 (Tidak setuju), 3 (Kurang setuju), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat setuju). Responden kajian diminta untuk memberikan respons mengikut skala bersesuaian dalam soal selidik. Hanya soal selidik yang lengkap dipilih untuk dianalisis.

Populasi dan Sampel Kajian

Bilangan populasi kajian ini adalah seramai 986 orang ketua guru disiplin melibatkan 986 buah Sekolah Kebangsaan (SK) di Sabah. Namun begitu, pengkaji hanya memilih Ketua Guru Disiplin setiap sekolah sebagai responden kajian yang mewakili sepuluh buah daerah terpilih di Sabah. Ini bersesuaian seperti saiz sampel yang dicadangkan dalam jadual pensampelan Cohen *et al.* (2013). Sampel kajian melibatkan 320 orang guru yang bertugas sebagai ketua guru disiplin dari 320 sekolah rendah di negeri Sabah yang terpilih sebagai responden kajian. Pemilihan sampel kajian dibuat menggunakan teknik pensampelan rawak berperingkat dengan membahagikan populasi kepada kumpulan mengikut zon dan daerah.

Analisis Data

Analisis data kajian dibuat menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* untuk membuat analisis data deskriptif dalam bentuk peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Di samping itu penyelidikan ini juga menggunakan kaedah analisis *Structural Equation Modeling (SEM)* dengan melihat kepada analisis model pengukuran untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Di samping itu analisis model struktur digunakan untuk memastikan model yang dibangunkan konsisten dengan data dan menganggarkan pengaruh variabel bebas terhadap variabel bersandar kajian.

Dapatan Kajian

Bahagian ini menerangkan hasil analisis dapatan kajian yang melibatkan analisis deskriptif untuk menilai data demografi responden dalam bentuk peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Manakala analisis Structure Equation Modelling (SEM) digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, mengukur pengaruh setiap pemboleh ubah bebas ke atas

pemboleh ubah bersandar kajian, menguji model kajian seterusnya membuat kesimpulan kajian.

Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut ciri demografi yang sampel kajian yang terlibat. Data menunjukkan jumlah ketua guru disiplin lelaki (88.4%) lebih ramai daripada guru perempuan (11.6%). Ciri pengalaman mengajar pula menunjukkan lebih daripada 90% guru yang dilantik sebagai ketua guru disiplin di sekolah kebangsaan telah berkhidmat lebih 15 tahun. Manakala, 85.9% guru terlibat telah menjadi guru disiplin lebih daripada 15 tahun. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru yang dilantik sebagai ketua guru disiplin adalah guru-guru yang berpengalaman lebih daripada 15 tahun perkhidmatan. Di samping itu data juga menunjukkan 76.6% sekolah yang terlibat dalam kajian ini mempunyai jumlah murid antara 1001-1500 orang. Jumlah murid yang ramai semestinya memerlukan perhatian yang lebih daripada guru disiplin yang mempunyai pengalaman dalam mengendalikan hal-hal salah laku murid.

Jadual 1: Bilangan dan Peratus Responden Kajian Ciri Demografi

Kategori	Jenis	Jumlah	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	283	88.4%
	Perempuan	37	22.6%
	Jumlah	320	100%
Pengalaman Mengajar	Kurang 3 Tahun	2	0.6%
	4 – 9 Tahun	6	1.9%
	10 – 14 Tahun	15	4.7%
	15 – 20 Tahun	106	33.1%
	Lebih 20 Tahun	191	59.7%
	Jumlah	320	100%
Pengalaman Sebagai Guru Disiplin	Kurang 3 Tahun	8	2.5%
	4 – 9 Tahun	6	1.9%
	10 – 14 Tahun	31	9.7%
	15 – 20 Tahun	121	37.8%
	Lebih 20 Tahun	154	48.1%
	Jumlah	320	100%
Jumlah Murid Mengikut Sekolah	Kurang 500 Orang	65	20.3%
	500 -1000 Orang	245	76.6%
	1001 – 1500 Orang	10	3.1%
	Jumlah	320	100%

Analisis Faktor Pengesahan (Confirmatory Factor Analysis CFA)

Terdapat dua model yang perlu dianalisis di dalam menjalankan sesuatu Pemodelan Persamaan Berstruktur (*Structural Equation Modeling-SEM*) iaitu Model Pengukuran (*Measurement Model*) dan Model Berstruktur (*Structural Model*). Awang (2012; 2014; 2015); Hoque *et al.* (2017) mencadangkan dua langkah yang perlu dijalankan di dalam sesuatu Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM) iaitu:

- i) Mengesahkan Model Pengukuran semua konstruk yang terlibat melalui kaedah Analisis Pengesahan Faktor (*Confirmatory Factor Analysis* atau *CFA*)
- ii) Memodelkan kesemua konstruk tersebut ke dalam Model Berstruktur (*Structural Model*) serta melakukan prosedur Pemodelan Persamaan Berstruktur (*Structural Equation Modeling*) untuk menguji hipotesis (Hair *et al.*, 2006; Awang, 2011; 2012; 2014; 2015; Hoque *et al.*, 2017; Awang *et al.*, 2015a).

Awang (2014; 2015); Hoque *et al.* (2017); Awang *et al.* (2015a) mengatakan kesepadanan Model Pengukuran dengan data kajian lapangan adalah penting untuk menentu-sahkan sesuatu Model Persamaan Berstruktur (SEM) itu. Jika Model Pengukuran tidak sepadan dengan data dari lapangan, maka Model Persamaan Berstruktur yang dibina adalah tidak sah. Oleh yang demikian, langkah pertama dalam analisis SEM adalah untuk menentukan kesepadanan Model Pengukuran terhadap data dari lapangan. Analisis kesepadanan Model Pengukuran dengan data lapangan dilakukan dengan menggunakan Analisis Pengesahan Faktor atau *Confirmatory Factor Analysis* (CFA). Melalui pendekatan CFA, pengkaji mendapatkan beberapa ukuran tertentu untuk menilai Model Pengukuran untuk konstruk yang telah dibina terdahulu melalui prosedur analisis penerokaan faktor (EFA). Hasil analisis setiap konstruk yang dibuat secara berasingan telah menyingkirkan beberapa item soalan yang mempunyai nilai faktor pemberat kurang daripada 0.5 bagi analisis EFA (Hair *et al.*, 2010).

Analisis Model Pengukuran Gabungan Semua Kostruk (Pooled CFA)

Model Pengukuran digunakan untuk membuat penilaian terhadap kebolehpercayaan, kesahan *Convergent* dan kesahan *discriminant* item soal selidik kajian. Oleh kerana konstruk yang diuji dalam kajian ini mempunyai sub konstruk maka analisis model pengukuran mengikut konstruk telah dijalankan terlebih dahulu sebelum analisis model pengukuran gabungan semua konstruk diuji. Dapatan analisis setiap konstruk yang diuji menepati semua syarat analisis yang ditetapkan. Justeru, analisis CFA gabungan semua konstruk boleh dijalankan. Analisis kesahan dan kebolehpercayaan adalah asas kepada keteguhan sesuatu data kajian. Sebelum menilai kesepadanan sesuatu model yang dibina, penilaian untuk Unidimensionaliti (*Unidimensionality*), Kesahan (*validity*) dan Kebolehpercayaan (*reliability*) bagi Model Pengukuran konstruk kajian ini perlu dijalankan terlebih dahulu. Justeru, kajian ini membuat analisis dengan melihat kepada nilai *Standardized Loading* untuk setiap item atau sub konstruk yang diterima dalam analisis SEM. Di samping itu kajian ini juga akan membuat penilaian terhadap nilai *Composite Reliability (CR)* untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 2.

Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Jadual 2 menunjukkan analisis kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan. Nilai *Standardized Loading* setiap item dan sub kostruk berada pada julat antara 0.50 hingga 0.95 (>0.5 untuk analisis EFA). Di samping itu nilai *Composite Reliability (CR)* juga digunakan untuk menilai kebolehpercayaan setiap konstruk kajian. Analisis data menunjukkan nilai *CR* model pengukuran berada pada julat 0.828 hingga 0.942 bagi setiap konstruk kajian melebihi nilai *CR* yang boleh dicadangkan ($CR > 0.700$). Nilai ini menunjukkan setiap variabel kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan variabel yang boleh diterima. Berdasarkan data analisis, penyelidikan ini membuat kesimpulan bahawa semua variabel kajian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Analisis Kesahan Convergent

Analisis kesahan *Convergent* dinilai berdasarkan kepada nilai *Average Variance Extracted* (AVE) setiap variabel kajian. Analisis AVE yang disarankan untuk setiap variabel mestilah

mempunyai nilai lebih besar daripada 0.50 (Hair *et al.*, 2010). Dapatan analisis AVE setiap variabel kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 menunjukkan nilai AVE = 0.502 hingga 0.701 (AVE > 0.50). Nilai AVE (Sikap= 0.502, Kemahiran= 0.623, Pengetahuan= 0.553 dan Kompetensi Pengurusan Disiplin = 0.701) membuktikan bahawa semua variabel kajian mempunyai kesahan *Convergent* yang baik (Hair *et al.*, 2010).

Jadual 2: Analisis Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Kajian

Construct	Sub-Construct/Item	Pemberat Faktor	CR (above 0.7)	AVE (above 0.5)
Sikap Guru	SGD1	0.50	0.828	0.502
	SGD2	0.84		
	SGD3	0.78		
	SGD4	0.82		
	SGD5	0.54		
Kemahiran Guru	D42	0.74	0.942	0.623
	D43	0.71		
	D44	0.79		
	D45	0.54		
	D46	0.82		
	D47	0.95		
	D48	0.82		
	D49	0.80		
	D50	0.75		
	D51	0.90		
Pengetahuan Guru	PGD1	0.81	0.876	0.701
	PGD2	0.81		
	PGD3	0.89		
Kompetensi Pengurusan Disiplin	KGD1	0.68	0.830	0.553
	KGD2	0.82		
	KGD3	0.80		
	KGD4	0.66		

Analisis Kesahan Discriminant

Kesahan Diskriminan dinilai melalui Ringkasan Indeks Kesahan Diskriminan (*Diskriminant Validity Index Summary*). Mengikut Awang (2014; 2015) dan Hoque *et al.* (2017), kesahan diskriminan untuk konstruk tercapai jika semua nilai *diagonal matrix* adalah lebih besar daripada nilai-nilai lain di dalam sel baris dan juga dalam sel lajur. Nilai *diagonal matrix* adalah punca kuasa dua purata varians yang diekstrak (AVE) manakala nilai dalam matrik itu ialah korelasi antara kostruk dalam model. Analisis menunjukkan nilai setiap korelasi antara kostruk dalam model mengikut variabel kajian adalah lebih rendah daripada nilai AVE (Hair *et al.*, 2010). Dalam erti kata lain nilai *square root of AVE* adalah lebih tinggi daripada nilai korelasi setiap konstruk kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Oleh yang demikian terdapat bukti yang kukuh untuk mengatakan bahawa setiap variabel kajian adalah berbeza antara satu

sama lain dan mempunyai kesahan *discriminant* yang baik. Jadual 3 juga menunjukkan analisis korelasi *Pearson r* untuk menentukan hubungan setiap variabel kajian. Analisis menunjukkan bahawa semua variabel bebas (Sikap ke atas Disiplin, Pengetahuan, Kemahiran) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan variabel bersandar Kompetensi Pengurusan Disiplin pada aras kepercayaan $P < 0.01$ (Hair *et al.*, 2010). Nilai korelasi berada pada julat antara 0.61 hingga 0.78. Analisis juga menunjukkan nilai kepengcogan taburan (*skewness* dan *Kurtosis*) setiap konstruk kajian berada antara ± 1.0 membolehkan data dianalisis menggunakan kaedah statistik parametrik

Jadual 3: Analisis Kesahan *Discriminant* dan Korelasi Antara Variabel Kajian


	1	2	3	4
1. Sikap Guru	0.71			
2. Kemahiran Guru	0.61 ^a	0.79		
3. Pengetahuan Guru	0.69 ^a	0.78 ^a	0.84	
4. Kompetensi	0.69 ^a	0.74 ^a	0.73 ^a	0.75
Min	4.202	3.310	3.209	3.446
<i>Skewness</i>	-0.665	-0.145	-0.394	-0.356
<i>Kurtosis</i>	0.386	-0.323	0.831	0.325

^a *Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*
Diagonal elements in bold show the square root of AVE.

Analisis Model Struktur

Setelah kesemua keperluan Kesahan (kesahan konstruk, kesahan menumpu dan kesahan diskriminan) dan Kebolehpercayaan Komposit dicapai, maka penyelidik boleh meneruskan prosedur selanjutnya iaitu memodelkan kesemua konstruk yang telah disahkan itu ke dalam model berstruktur (*structural model*) untuk menjalankan prosedur seterusnya iaitu Pemodelan Persamaan Berstruktur (*SEM*) untuk menguji hipotesis serta menjawab persoalan kajian. Analisis SEM dibuat untuk mengukur penyesuaian model (*model fit*) bagi model struktur yang dibangunkan dalam kajian ini. Analisis ini juga digunakan untuk melihat hubungan variabel pendam, menguji kesan langsung dan serta jumlah kesan antara variabel *eksogen* dengan variabel *endogen* yang dikaji.

Rajah 2 menunjukkan kesemua konstruk telah dimasukkan ke dalam model berstruktur untuk prosedur seterusnya iaitu Pemodelan Persamaan Berstruktur (*SEM*). Perlu diberi perhatian bahawa semua konstruk di dalam Rajah 9 telah dipermudahkan menjadi konstruk aras pertama supaya model menjadi lebih ringkas dan tumpuan terhadap laluan (*path*) yang akan diuji hipotesis dapat dilihat dengan baik. Data data untuk setiap komponen adalah purata skor setiap item yang mengukur komponen tersebut yang telah disahkan melalui prosedur CFA. Anak panah satu hala (*one-headed arrow*) menunjukkan kesan sebab-akibat (*cause-effect*) manakala anak panah dua hala menunjukkan perkaitan (*correlation*). Analisis menunjukkan bahawa semua variabel bebas kajian Sikap ke atas Disiplin, Pengetahuan dan Kemahiran Guru Disiplin menyumbang 82 peratus kepada jumlah varian dalam Kompetensi Pengurusan Disiplin ($R^2=0.82$, $p < 0.05$).



Rajah 2: Keputusan Analisis Model Struktur Kajian

Analisis jadual 4 menunjukkan keputusan pengujian model struktur yang dibangunkan. Data menunjukkan bahawa model struktur yang dibangunkan mempunyai nilai $X^2/df = 2.961$ ($p < 0.05$). Analisis indeks *Comparative fit index* (CFI), *Incremental Fit Index* (IFI), dan *Tucker Lewis Index* (TLI) menunjukkan nilai lebih besar daripada 0.90 dan nilai indeks *Root Mean Square Error of Approximation* (RMSEA) di bawah 0.08 menunjukkan model struktur yang dibangunkan mempunyai nilai *fit* yang memuaskan (Hair *et al.*, 2010).

Jadual 4: Pengukuran Penyesuaian Model (Goodness-of-Fit) N=320

	X^2/df	<i>P</i>	CFI	IFI	TLI	RMSEA
Nilai Cadangan	<3.0	<0.05	>0.9	>0.9	>0.9	<0.08
Nilai Model	2.961	0.00	0.901	0.901	0.900	0.079

Jadual 5 menunjukkan analisis kekuatan hubungan langsung antara variabel bebas dengan variabel bersandar berdasarkan model struktur yang dibangunkan. Dapatan menunjukkan bahawa tiga variabel bebas kajian menunjukkan hubungan langsung yang signifikan kepada kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan. Variabel sikap ke atas disiplin adalah penentu yang paling penting kepada kompetensi pengurusan disiplin ($\beta = 0.458$, $p > 0.05$) diikuti oleh variabel pengetahuan ($\beta = 0.212$, $p > 0.05$) dan kemahiran ($\beta = 0.168$, $p > 0.05$). Berdasarkan analisis ini hipotesis nol H_{01} , H_{02} dan H_{03} kajian ditolak. Terdapat bukti yang mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa model kajian yang dicadangkan mempunyai persamaan *model fit* berdasarkan data empirikal kajian yang diuji.

Jadual 5: Analisis Pengujian Hipotesis Kesan Langsung Variabel Peramal dengan Variabel Bersandar Kajian

				Estimate	S.E.	C.R.	P
<i>H₀₁</i>	Sikap Guru	→	Kompetensi Pengurusan Disiplin	0.458**	0.115	3.986	0.01
<i>H₀₂</i>	Kemahiran Guru	→	Kompetensi Pengurusan Disiplin	0.168**	0.041	4.057	0.01
<i>H₀₃</i>	Pengetahuan Guru	→	Kompetensi Pengurusan Disiplin	0.212**	0.074	2.878	0.01

**** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).**

Perbincangan

Secara umum kajian ini cuba mendapatkan bukti empirikal tahap bagi setiap pemboleh ubah yang terdiri daripada sikap ke atas disiplin, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin serta kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan. Tahap sikap ketua guru disiplin dan kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan adalah tinggi dan perlu dikekalkan dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa. Manakala tahap pengetahuan dan kemahiran ketua guru disiplin adalah sederhana tinggi dan perlu ditambah baik dari semasa ke semasa. Bagi faktor demografi seperti jantina, pengalaman sebagai ketua guru disiplin dan bilangan murid menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan manakala pengalaman mengajar menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan. Di samping itu, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap ke atas disiplin, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin dengan kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan. Faktor penyumbang yang terdiri daripada sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan manakala kesan model sumbangan sikap ke atas disiplin, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah menunjukkan terdapat model sumbangan yang signifikan.

Dalam menghuraikan, membincangkan hubungan dan pengaruh pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji, beberapa teori dan konsep telah dirujuk telah menghasilkan kerangka konseptual kajian. Sorotan kajian lepas dijadikan asas dan sandaran dalam menyokong dan mengukuhkan lagi perbincangan berhubung pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Kajian berbentuk pendekatan kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan sampel untuk mengumpul maklumat daripada sebahagian populasi terpilih mengenai semua pemboleh ubah yang dikaji. Borang soal selidik dijadikan sebagai alat ukur kajian, yang digunakan untuk mengukur empat pemboleh ubah yang dikaji merangkumi tiga pemboleh bebas dan satu pemboleh ubah bersandar.

Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan gambaran latar belakang demografi responden dan skor min setiap pemboleh ubah yang dikaji. Seterusnya analisis faktor dan ujian kebolehpercayaan dilakukan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur kajian. Sementara itu, analisis korelasi Pearson dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji iaitu tiga pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Dalam pada itu, analisis regresi pelbagai dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh sesuatu pemboleh ubah terhadap pemboleh ubah bersandar. Analisis laluan model persamaan struktur (SEM) turut dijalankan untuk mengenal pasti kesepadanan model regresi yang dibangunkan dengan data sampel kajian.

Dapatan kajian menunjukkan sikap ke atas disiplin, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin sangat mempengaruhi kompetensi pengurusan disiplin di sekolah. Kecekapan ketua guru disiplin dalam menguruskan hal-ehwal disiplin di sekolah sangat diperlukan kerana ketua guru disiplin adalah antara guru yang mempunyai hubungan yang lebih dekat dengan murid itu sendiri melebihi Penolong Kanan HEM dan Guru Besar. Selain itu, implikasi kajian ini menunjukkan bahawa dari segi teori kajian memperlihatkan teori yang dipilih dalam kajian ini sebagai tulang belakang kajian khususnya yang melibatkan pemboleh ubah yang digunakan. Dari segi implikasi kajian terhadap amalan pula, jelas memperlihatkan pelaksanaan kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan terutamanya oleh ketua guru disiplin sekolah akan dapat membentuk keperibadian dan sahsiah murid. Seterusnya, implikasi kajian ini melihat dari sudut penyelidikan yang mana data daripada dapatan kajian yang diperoleh sama ada dalam bentuk deskriptif atau inferensi boleh digunakan sebaik mungkin oleh pihak-pihak berkaitan dalam memastikan kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan sentiasa berada pada landasan yang betul dan diingini oleh semua pihak yang berkaitan. Bagi cadangan-cadangan kajian lanjutan lebih memfokuskan terhadap perkara-perkara yang tidak dikaji dalam kajian ini. Oleh itu, secara keseluruhannya, kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan perlu sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar setiap individu khususnya dalam kalangan murid itu sendiri dapat menjadikan dirinya sebagai modal insan berkualiti yang diperlukan oleh agama, bangsa dan negara

Penutup

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mempamerkan perbincangan secara terperinci berkaitan pengaruh sikap ke atas disiplin, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan. Pada dasarnya kajian ini mendapati ketiga-tiga pemboleh ubah bebas yang dikaji melibatkan sikap ke atas disiplin, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin menunjukkan perbezaan skor min, hubungan dan pengaruh terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan di negeri Sabah. Sesungguhnya, hasil daripada kajian ini menunjukkan wujudnya hubungan antara pemboleh ubah dan pengaruh iaitu sikap ke atas disiplin, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin terhadap kompetensi pengurusan disiplin sekolah kebangsaan. Oleh itu, kerangka model kajian yang dibangunkan menjadi sangat penting dalam menentukan kompetensi pengurusan disiplin daripada semua aspek yang diuji. Secara umumnya, penemuan ini menjelaskan tentang sikap terhadap peningkatan pengetahuan asas disiplin dan sikap terhadap peranan moral, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin yang sepatutnya diberikan perhatian dalam pengurusan disiplin di sekolah kebangsaan.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan juga bahawa pemboleh ubah sikap, tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ketua guru disiplin mempunyai hubungan dan pengaruh yang kuat terhadap kompetensi pengurusan disiplin itu sendiri. Tiga pemboleh ubah bebas ini amat mempengaruhi pemboleh ubah bersandar kompetensi pengurusan disiplin di sekolah. Ketua guru disiplin yang mempunyai status sikap yang positif lebih cenderung untuk meningkatkan kualiti kerja dengan meningkatkan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran sedia ada. Oleh itu, pemilihan ketua guru disiplin harus mengambil kira ketiga-tiga ciri tersebut. Kecekapan ketua guru disiplin dapat meningkatkan kompetensi pengurusan disiplin di sekolah kepada satu tahap yang lebih baik. Oleh yang demikian, dicadangkan agar pengurusan Hal-Ehwal Murid (HEM) dan pengurusan disiplin di sekolah perlu ditambah baik dan diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Para pengkaji pada masa akan datang haruslah membuat kajian lapangan dan tinjauan tentang keperluan memperkasa pengurusan disiplin di sekolah melalui cadangan penambahbaikan dari segi perjawatan dan kuasa.

Pada masa ini, jawatan “ketua guru disiplin” adalah jawatan lantikan sekolah dan tidak mempunyai keistimewaan dari segi gred kenaikan pangkat dan tidak selari dengan beban tugas yang harus dipikul oleh guru yang dilantik menjadi ketua guru disiplin. Keadaan disiplin di sekolah yang agak kompleks dan mempunyai cabaran yang semakin besar saban hari, sudah tentu sistem perjawatan sedia ada boleh mengurangkan kompetensi ketua guru disiplin dalam mengurus disiplin di sekolah. Keadaan ini sudah tentu akan memberi kesan negatif dalam pengurusan disiplin di sekolah kerana ketua guru disiplin kurang bermotivasi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Lantaran itu, para pengkaji pada masa akan datang harus mencadangkan kepada pihak-pihak berkaitan agar menetapkan pelantikan ketua guru disiplin sebagai jawatan hakiki contohnya jawatan Guru Kanan Disiplin DG44 dan ke atas. Perjawatan yang ditambah baik ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan dan motivasi dalam menjalankan tanggungjawab mereka bersesuaian dengan jawatan hakiki mereka. Selain itu, ketua guru disiplin juga perlu mempunyai kuasa yang lebih misalnya pengembalian kuasa merotan seperti mana kuasa yang diberi khusus terhadap Guru Besar. Dengan kuasa khas yang diberikan kepada ketua guru disiplin memungkinkan pesalah disiplin khususnya dan murid berasa “takut” melanggar peraturan sekolah.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa semua guru di sekolah adalah ketua guru disiplin melalui Surat Pekeliling Ikhtisas. Ini bermaksud semua guru termasuk pentadbir terlibat dalam pengurusan disiplin di sekolah. Kerjasama dan sikap perpaduan daripada peringkat pentadbir sekolah hingga kepada guru dan murid itu sendiri sangat penting dalam pengurusan disiplin yang berkualiti. Ini menunjukkan bahawa pengurusan disiplin sekolah yang kompeten mencerminkan kejayaan sesebuah sekolah. Untuk itu, guru-guru disiplin ini akan menjadi tempat rujukan yang juga bertindak untuk membantu guru-guru lain menyelesaikan masalah disiplin. Dalam hal ini, ketua guru disiplin mestilah mempunyai sikap ke atas disiplin, pengetahuan dan kemahiran yang tinggi terhadap pelbagai perkara yang berkaitan dengan disiplin. Antaranya maklumat yang tepat tentang perkembangan disiplin semasa sama ada di dalam sekolah atau di luar kawasan sekolah, garis panduan tatacara pelaksanaan disiplin, jenis-jenis murid yang terlibat dengan masalah disiplin, mengenal pasti punca masalah disiplin, mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah, berkomunikasi dengan ibu bapa serta penjaga secara berkesan dan program-program pemantapan disiplin. Pelantikan ketua guru disiplin mestilah berpandukan ciri-ciri sikap ke atas disiplin, pengetahuan dan kemahiran.

Selain daripada ketua guru disiplin itu sendiri, pengurus sekolah seperti guru besar memainkan peranan yang amat penting dalam pengurusan disiplin ini seperti kajian yang dijalankan oleh Hamzah (2018) mendapati bahawa guru besar juga memainkan peranan yang memuaskan dalam meningkatkan disiplin murid. Walau bagaimanapun masih terdapat kelemahan-kelemahan guru besar dalam mempertingkatkan disiplin murid terutama melalui pengurusan disiplin murid dari segi penguatkuasaan peraturan-peraturan sekolah, bimbingan dan dorongan, kebersihan serta keceriaan sekolah. Oleh itu, dapat dirangkumkan di sini bahawa dalam meningkatkan kompetensi pengurusan disiplin sesebuah sekolah, bukan hanya terletak semata-mata di bahu ketua guru disiplin sahaja malah melibatkan kesemua komuniti sekolah agar kemenjadian murid tersebut dapat diserlahkan dan ditonjolkan dalam memastikan kejayaan murid bukan dilihat pada akademik sahaja namun melibatkan pembentukan akhlak peribadinya.

Rujukan

Anyon, Y., Gregory, A., Stone, S., Farrar, J., Jenson, J. M., McQueen, J., ... & Simmons, J. 2016. Restorative interventions and school discipline sanctions in a large urban school district. *American Educational Research Journal*, 53(6), 1663-1697.

- Anyon, Y., Jenson, J. M., Altschul, I., Farrar, J., McQueen, J., Greer, E., Downing, B. 2014. The persistent effect of race and the promise of alternatives to suspension in school discipline outcomes. *Children and Youth Services Review*, 44, 379-386. Elsevier Ltd.
- Awang, Z. 2011. A handbook on SEM: Structural equation modelling. *Kelantan: Universiti Teknologi MARA*.
- Awang, Z. 2012. *Research methodology and data analysis*. Penerbit Universiti Teknologi MARA Press (UiTM Press).
- Awang, Z. 2014. A handbook on SEM for academicians and practitioners: the step by step practical guides for the beginners. *Bandar Baru Bangi, MPWS Rich Resources*.
- Awang, Z. 2015. SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Modeling. *Bandar Baru Bangi, MPWS Rich Resources*.
- Awang, Z., Afthanorhan, A., & Asri, M. A. M. 2015. Parametric and Non-Parametric Approach in Structural Equation Modeling (SEM): The Application of Bootstrapping. *Modern Applied Science*, 9(9), 58.
- Bailey, C., Mankin, D., Kelliher, C., & Garavan, T. 2018. *Strategic Human Resource Management*. London: Oxford University Press.
- Boyatzis, R. E. 1982. *A Model for effective performance*. Ontario: J. Wiley dan Son. DBP.
2005. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ferla, J., Valcke, M., & Cai, Y. 2009. Academic Self-Efficacy and Academic Self-Concept: Reconsidering Structural Relationships. *Learning and Individual Differences*, 19(4), 499-505.
- Ghani, M. F. A., Radzi, N. M., Ghavifekr, S., Kenayatullah, H. B. & Muhamad, M. 2017. Pengurusan Disiplin Murid di Sekolah Kawasan Bandar dan Luar Bandar: Perspektif Pemimpin Sekolah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(1), 7-40.
- Gregory, A., Clawson, K., Davis, A., & Gerewitz, J. 2016. The Promise of Restorative Practices to Transform Teacher-Student Relationships and Achieve Equity in School Discipline. *Journal of Educational and Psychological Consultation*, 26(4), 325-353.
- Hair, Jr. J. F., Black, W. C. Babin, B. J. & Anderson, R. E., 2009. *Multivariate Data Analysis with Readings*. (7th ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L., & Black, W. C. 2010. *Multivariate Data Analysis* (7th ed.). New York: Prentice Hall International Inc.
- Hamzah, N., Ghani, M. F. A., Radzi, N. M., & Sehab, M. A. 2018. Reka Bentuk Profil Amalan Terbaik Pengurusan Disiplin Murid. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(1), 33-63.
- Holme, J. J., Diem, S., & Welton, A. 2014. Suburban School Districts and Demographic Change: The Technical, Normative, and Political Dimensions of Response. *Educational Administration Quarterly*, 50(1), 34-66.
- Hoque, A. S.M. M., Awang, Z., Jusoff, K., Salleh, F., & Muda, H. 2017. Social Business Efficiency: Instrument Development and Validation Procedure using Structural Equation Modelling. *International Business Management*, 11(1), 222-231.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2008. *Penilaian Tahap Kecekapan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017. *Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Statistik Bilangan Sekolah, Murid & Guru*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Malek Shah & Liew Swee Liang. 2002. Model kompetensi dan perkhidmatan awam Malaysia. *Jurnal Pengurusan Awam*. 1. (Bil 2): Hlm. 1 – 15.

- Purba, C. B., & Rafiani, H. A. 2016. The Influence of Competency, Organizational Commitment and Non-Financial Compensation on Teacher Performance in SMAN 29 Jakarta.
- Rahardja, U., Moein, A., & Lutfiani, N. 2018. Leadership, Competency, Working Motivation and Performance of High Private Education Lecturer with Institution Accreditation B: Area Kopertis IV Banten Province. *Man India*, 97(24), 179-192.
- Sheridan, M., An, B., Brown, D., Bolger, M., Epstein, M., Matteo, F., ... & Roberts, J. (2018, April). Investigating the effectiveness of virtual reality for cross-cultural competency training SIEDS 2018. In *2018 Systems and Information Engineering Design Symposium (SIEDS)* (pp. 53-57). IEEE.
- Spencer, L. M., & Spencer, P. S. M. 2008. *Competence at Work models for superior performance*. John Wiley and Sons
- Sternberg, R. J. 1985. *Beyond IQ: A triarchic theory of human intelligence. The behavioral and brain sciences* (Vol. 7, pp. 269-287).
- Sternberg, R. J. 2005. The Theory of Successful Intelligence. *Interamerican Journal of Psychology*, 39(2), 189-202.
- Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, Ghazali Hassan Sulaiman. 2018. Pengaruh Faktor Penyumbang Terhadap Kendiri Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam Di Sabah. *Jurnal Penyelidikan Akademik Kementerian Pendidikan Malaysia*, 3 (34)
- Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, Ghazali Hassan Sulaiman 2019. Hubungan Sikap Terhadap Ekonomi Dan Kefahaman Konsep Ekonomi Dengan Kendiri Pelajar Ekonomi. *Jurnal Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia*, 4(34), 16-29
- Tang, S. H., Chio, O. I., Chang, L. H., Mao, H. F., Chen, L. H., Yip, P. K., & Hwang, J. P. 2018. Caregiver active participation in psychoeducational intervention improved caregiving skills and competency. *Geriatrics & gerontology international*, 18(5), 750-757.
- Trotter, R. 1986. The mystery of mastery. *Psychology Today*, 20(7), 32-38.
- Tubah, H., & Hamid, Z. 2011. Pengaruh Demografi Terhadap Kemahiran Membaca dan Memahami Dalam Kalangan Murid-Murid LINUS. *Jurnal Melayu*, 6.
- Wiley, K. E., Anyon, Y., Yang, J. L., Pauline, M. E., Rosch, A., Valladares, G., ... dan Pisciotta, L. 2018. Looking Back, Moving Forward: Technical, Normative, and Political Dimensions of School Discipline. *Educational Administration Quarterly*, 54(2), 275-302.
- Wolff, C. E., Jarodzka, H., & Boshuizen, H. P. A. 2017. See and tell: Differences between expert and novice teachers' interpretations of problematic classroom management events. *Teaching and Teacher Education*, 66, 295-308.
- Xia, B. S., & Liitiäinen, E. 2014. Economics of Education and Work Life Demand in Terms of Earnings and Skills. *Citizenship, Social and Economic Education*, 13(1), 67-77.
- Zakri Abdullah & Saemah Rahman. 2014. Menstrategi Amalan Meta-Tingkah Laku Dalam Kalangan Pelajar. *Prosiding Persidangan Antarabangsa dan Pertandingan Inovasi Kaunseling dan Pendidikan*, hlm. 45 – 49.